

# Proton BLM dilengkapi ciri keselamatan hebat

Oleh SAIFUL HAIZAN HASAM

UM 11.1.2008. m/s 13

MODEL terbaru Proton yang dikenali dengan nama kod BLM (*Base Line Model*) bukan sahaja merangkumi penggunaan enjin Campro yang ditingkatkan dan casis *monocoque* yang utuh tetapi juga satu pakej keselamatan menarik.

Pakej itu akan memberikan anda ketenangan minda sewaktu memandu bersama orang tersayang.

Berada di jalan raya mendedahkan kita semua dengan kemalangan, jika bukan kerana kesilapan sendiri ia mungkin berpunca dari kealpaan pemandu lain.

Lantaran itu, Proton memastikan BLM untuk pasaran tempatan mahupun eksport mematuhi sekurang-kurangnya tiga standard keselamatan antarabangsa yang digunakan di Eropah, negara-negara Teluk dan Australia.

Lebih bermakna, BLM yang memenuhi tiga standard keselamatan itu dijual dengan harga yang amat kompetitif antara RM30,000 hingga RM40,000.

## Keselamatan Pasif

Ciri keselamatan pasif sebenarnya jauh lebih penting daripada mana-mana gajet berkaitan keselamatan pada sesebuah kereta.

Ia menyediakan 'sangkar perlindungan' asas untuk para penumpang yang akan meminimalkan risiko kecederaan apabila terlibat dalam kemalangan.

Untuk tujuan itu, 75 peratus daripada casis model terbaru Proton yang akan dilancarkan pada 18 Januari ini dibina dengan besi yang mempunyai kekuatan tinggi.

Panel pintu kereta BLM juga dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang diintegrasikan dengan struktur casis bagi menahan impak rempuhan dari mana-mana sudut: depan, belakang mahupun sisi.

Keutuhan itu bukan hanya teori di atas kertas sahaja kerana Proton telah melaksanakan ujian pelanggaran terhadap model tersebut untuk menilai keberkesannya.

Hasilnya amat memberangsangkan apabila prestasi BLM yang dikategorikan sebagai sedan kompak adalah setanding dengan kereta yang lebih besar.

Keselamatan pasif turut merangkumi aspek kawalan pemanduan cemerlang yang telah berjaya dikuasai jurutera penyelidikan dan pembangunan (R&D) Proton.

Kecemerlangan aspek kawalan itu memastikan pemandu sentiasa menguasai 'gelagat' BLM walaupun sewaktu me-



ORANG ramai berkunjung ke pameran rangka Proton BLM di Damansara, semalam.

ngambil selekoh tajam atau menekan brek kecemasan.

Semua ini dibantu oleh penyerap hentak yang menerima sentuhan teknologi Lotus dan casis yang paling utuh di kalangan model sedan Proton yang lain.

Model terbaru ini menjanjikan pemanduan dan kawalan yang cemerlang sekali gus mewujudkan satu penanda aras baru dalam kategorinya.

## Keselamatan Aktif

Sedan kompak terbaru itu juga tidak kurang hebatnya dari aspek keselamatan aktif, kuasa memberhentikan kereta dibekalkan oleh sepasang cakera brek liang udara depan bersaiz 13 inci.

Sementara itu, versi BLM premium pula dilengkapi roda 14 inci untuk cengkaman yang baik di jalan raya.

Sekiranya pelanggaran tidak dapat dielakkan, beg udara dan tali pinggang keselamatan yang dilengkapi ciri pra tegangan akan berfungsi untuk mengurangkan kesan.

Untuk menyaksikan kehebatan teknologi BLM, orang

ramai boleh mengunungi demonstrasi pemasangan komponennya secara berperingkat di Cineleisure, Mutiara Damansara (8 malam pada hari ini dan 17 Januari), Queensbay Mall, Pulau Pinang dan Plaza Angsana, Johor Bahru (masing-masing pukul 8 malam pada 13 dan 17 Januari).

Penjelajahan trak Intai-Intai Proton juga telah bermula di Sungai Besar, Selangor pada Selasa lalu untuk membolehkan orang ramai menyaksikan model BLM.

Hari ini, trak berkenaan dijadualkan berada di Kampung Jerangau, Ajil, Dungun, Kertih, Chukai (Terengganu), Cherating dan Kuantan (Pahang).

Penjelajahan diteruskan esok di Kampung New Zealand, Jengka, Kampung Awah, Temerloh (Pahang) dan Bahau (Negeri Sembilan).

Pada hari Ahad, lokasi yang akan disinggahi ialah Gemas (Negeri Sembilan), Genuang, Labis, Yong Peng dan Kluang (Johor) manakala pada hari Isnin di Parit Raja, Batu pahat, Parit Jawa, Muar (Johor), Merlimau dan Tanjung Keling (Melaka).